



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بَوْتِ بَرِيَّتِي اِسْلَامًا اِنْ اَرَا بَعْثًا مَلِيًّا

**KESALAHAN DALAM UNDANG-UNDANG  
KELUARGA ISLAM**

**OLEH**

**AWANG INDRA BIN AWANG MOSTAPHA**

**KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

## ABSTRAK

Kertas projek ini merupakan satu kajian mengenai Kesalahan Dalam Undang-Undang Keluarga Islam.

Penulis memulakan kertas projek ini dengan memperkenalkan latarbelakang kajian, tujuan kajian dan metod kajian yang digunakan semasa kajian. Kemudian penulis membahagikannya kepada empat bab.

Dalam Bab Pertama membincangkan tentang bentuk-bentuk kesalahan matrimoni menurut pandangan Islam. Penulis mengasingkan perbincangan antara bentuk kesalahan tersebut dengan hukumannya. Di samping itu juga, setiap satu perbincangan penulis memberikan dalil-dalil dari al-Qur 'ān, hadis dan juga ijma'.

Bab Kedua pula menerangkan bentuk-bentuk kesalahan matrimoni sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Setiap bentuk kesalahan dan hukuman dibincangkan berasingan sebagaimana dalam bab pertama.

Manakala dalam Bab Ketiga statistik mengenai kesalahan matrimoni sepanjang tahun 1990 hingga 1995 di Mahkamah Shari'ah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ditunjukkan. Penulis juga memberikan contoh-contoh kes bagi setiap kesalahan yang berlaku.

Bab Keempat merupakan penganalisaan mengenai keberkesanan hukuman yang diperuntukkan di dalam Akta. Penulis melihat sama ada hukuman-hukuman ini berkesan atau tidak di dalam membendung kesalahan-kesalahan ini daripada terus berlaku. Kesemua bentuk kesalahan disentuh dan dibincangkan satu persatu.

Bahagian penutup menjadi pengakhiran kertas projek ini. Penulis membuat rumusan bagi keseluruhan bab. Di samping itu juga, penulis mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan sesuai demi untuk kebaikan umat Islam seluruhnya.

## PENGAKUAN

Saya akui bahawa ini adalah karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan seperti yang telah diperjelaskan.

Tandatangan.

  
.....  
Awang Indra Bin Awang Mostapha

## DEDIKASI

Ayahandaku Awg Mostapha Pengiran Mentali  
Nasihat dan tunjuk ajar tetap kujunjung  
Keranamu anakmu teruskan perjuangan  
Mencari kejayaan dan kehidupan

Bondaku Asiah Bt. Juli  
Kasih sayangmu amat kuhargai  
Belaian kasihmu tetap kurasai  
Keringat kalian berdua  
Akanku balas kerananya  
Anakmu berada di tahap jaya

Adik-adikku yang kusayangi  
Teh, Ujang, Rudy, Yak, Amy, Adiy  
Abang tetap bersama kalian  
Dalam menempuhi liku-liku hidup

Isteriku Yanti, kaulah buah hatiku  
Tempatku bermanja rajuk rayu sayang cinta  
Susah senang kita hadapi bersama  
Agar hidup bahagia selama-lamanya

Usu Wahab & Family  
Budimu tetap kusanjung  
Sepanjang masa

Bapa Mak Mertua Hussein Hasnah  
Adik-adik Ipar Alin Ayu Nu  
Ikatan kasih sentiasa mesra

Mama Mie Mahadir Nizah  
Aku bertuah kerana mengenali kalian  
Sokongan dorongan kalian berikan  
Tetap abadi dalam ingatan

Teman-teman  
Guru-guru  
Semoga diberkati Allah  
Dalam segala amalan. Amin

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayah dariNya serta kekuatan yang diberikan, penulis berjaya menyiapkan kertas projek ini mengikut masa yang ditetapkan. Salawat dan Salam buat Nabi Muhammad S.A.W, keluarganya dan para sahabat R.A..

Jutaan terima kasih, penulis ucapkan kepada Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Abu Bakar selaku penyelia kertas projek ini. Dengan bimbingan, teguran dan tunjuk ajar dari beliau, penulis berjaya menghasilkan tulisan ini. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Program DAIJ, Tan Sri Dato' Prof. Syed Agil Barakbah, Tan Sri Dato' Prof. Wan Hamzah Salleh, Prof. Madya Dr. Abdullah Bin Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar, Dr. Abdul Rahman Al-Haqqi, Dr. Ismail Mohd.@ Abu Hassan, Dr. Nik Rahim Nik Wajis dan Dr. Najibah Mohd. Zain kerana kesudian dan keikhlasan mencurahkan ilmu kepada penulis. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa-jasa kalian.

Sekalung ucapan terima kasih kepada kakitangan Mahkamah Shari'ah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kakitangan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah memberi kerjasama dengan baik kepada penulis dalam usaha mengumpul maklumat dan data yang diperlukan.

Untuk emak dan ayah, jasa baik kalian berdua akan kubalas sebaik-baiknya kerana mendidik anakmu ini hingga ke tahap sekarang. Buat isteriku yang tercinta Haseanti Hussein, kerana sentiasa membantu penulis dalam menyiapkan kertas projek ini. Dan untuk adik-adikku, Usu Wahab, Mama, Mummy, Mahadir serta Hanizah Junaidi, penulis mengucapkan terima kasih tak terhingga di atas sokongan dan dorongan yang diberikan.

Rakan-rakan seperjuangan DAIJ, Rosidi, Karim , Sukarno, Y.A. Radzi, Ishmit, Mustafa, Shahrman, Ammar, Safri , Abidah Samihan dan Rashidah diucapkan selamat maju jaya dan terima kasih di atas persahabatan yang dijalinan. Telatah kalian tetap dalam ingatan. Tak lupa juga kepada individu-individu yang memberi sokongan kepada penulis.

Sekian. Wassalam.

Awang Indra Bin Awang Mostapha  
125, Kpg. Hulu Beladin  
94950 Pusa. Saribas  
Sri Aman, Sarawak.  
19 Mei 1999.

D.U.P.K.I  
Kuliyah Undang-Undang  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Gombak Kuala Lumpur.

# DAFTAR KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Abstrak	iii
Pengakuan	v
Dedikasi	vi
Penghargaan	vii
Daftar Kandungan	ix
Senarai Kes	xv
Senarai Jadual	xvi
Senarai Statut	xvii
Senarai kependekan	xviii
Transliterasi	xix
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>xx</b>
Latarbelakang Kajian	xx
Kepentingan Kajian	xxi
Skop Kajian	xxii
Tujuan Dan Objektif Kajian	xxiii
Metodologi Kajian	xxiv

**BAB PERTAMA : KESALAHAN-KESALAHAN  
MATRIMONI DAN HUKUMANNYA  
DARI PERSPEKTIF ISLAM**

		1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Definisi Matrimoni	2
1.3	Jenis-Jenis Kesalahan Matrimoni Dari Perspektif Islam	4
1.3.1	Kesalahan Suami	4
1.3.1.1	Tidak Memberi Nafkah Kepada Isteri	4
1.3.1.2	Memudaratkan Isteri	5
1.3.1.3	Enggan Bersetubuh Dengan Isteri	8
1.3.1.4	Tidak Berlaku Adil Kepada Isteri	9
1.3.2	Kesalahan Isteri	10
1.3.2.1	Isteri Yang <i>Nushuz</i>	11
1.4	Hukuman Bagi Kesalahan Matrimoni Dari Perspektif Islam	13
1.4.1	Kesalahan Suami	14
1.4.1.1	Tidak Memberi Nafkah Kepada Isteri	14
1.4.1.2	Memudaratkan Isteri	16
1.4.1.3	Enggan Bersetubuh Dengan Isteri	17
1.4.1.4	Tidak Berlaku Adil Kepada Isteri	18
1.4.2	Kesalahan Isteri	19
1.4.2.1	Isteri Yang <i>Nushuz</i>	19
1.5	Kesimpulan	21

<b>BAB KEDUA :KESALAHAN-KESALAHAN MATRIMONI DAN HUKUMANNYA DI BAWAH AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984 (AKTA 303)</b>	<b>22</b>	
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Peruntukan-Peruntukan	23
2.3	Jenis-Jenis Kesalahan	27
2.3.1	Kesalahan suami	27
2.3.1.1	Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	27
2.3.1.2	Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah	28
2.3.1.3	Meninggal Langsung Isteri	29
2.3.1.4	Menganiaya Isteri	29
2.3.1.5	Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya	30
2.3.1.6	Kecuaian Dengan Sengaja Untuk Mematuhi Perintah	31
2.3.2	Kesalahan Isteri	32
2.3.2.1.	Isteri Tidak Menurut Perintah	32
2.3.3	Kesalahan Bersama	33
2.3.3.1	Jadi Murtad Untuk Membatalkan Perkahwinan	33
2.3.3.2	Persetubuhan Luar Nikah Antara Orang-Orang Yang Bercerai	34
2.4	Hukuman Bagi Kesalahan-Kesalahan Matrimoni Di Bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)	37
2.4.1	Kesalahan Suami	37

2.4.1.1	Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	37
2.4.1.2	Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah	37
2.4.1.3	Meninggal Langsung Isteri	39
2.4.1.4	Menganiaya Isteri	39
2.4.1.5	Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya Kepada Isteri	40
2.4.1.6	Kecuaian Dengan Sengaja Untuk Mematuhi Perintah	41
2.4.2	Kesalahan Isteri	41
2.4.2.1	Isteri Tidak Menurut Perintah	41
2.4.3	Kesalahan Bersama	42
2.4.3.1	Bersekedudukan tanpa ruju <sup>4</sup> yang sah	42
2.4.3.2	Murtad Untuk Membatalkan Perkahwinan	43
2.5	Kesimpulan	44

**BAB KETIGA : STATISTIK KESALAHAN MATRIMONI  
DI MAHKAMAH SHARFAH WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
BAGI TAHUN 1990-1995**

3.1	Pendahuluan	46
3.2	Kes-Kes Kesalahan Matrimoni	46
3.2.1	Poligami Tanpa Kebenaran	51
3.2.2	Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah	53
3.2.3	Menganiaya Isteri	56
3.2.4	Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya Kepada Isteri	57

3.2.5	Isteri Yang Tidak Menuntut Perintah	58
3.3	Contoh-Contoh Kes	59
3.3.1	Poligami Tanpa Kebenaran	59
3.3.2	Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah	60
3.3.3	Menganiaya Isteri	62
3.3.4	Tidak Memberi Keadilan Yang Wajar Kepada Isteri-Isteri	64
3.3.5	Isteri <i>Nushuz</i>	65
3.4	Kesimpulan	66
 <b>BAB KEEMPAT : ANALISA KEBERKESANAN HUKUMAN YANG DIPERUNTUKKAN DALAM AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984 (AKTA 303)</b>		68
4.1	Pendahuluan	68
4.2	Kes-Kes	68
4.2.1	Poligami Tanpa Kebenaran	68
4.2.2	Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran	70
4.2.3	Meninggal Langsung Isteri	71
4.2.4	Menganiaya Isteri	72
4.2.5	Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya Kepada Isteri-Isteri	74
4.2.6	Isteri Tidak Menurut Perintah	76
4.2.7	Jadi Murtad Untuk Membatalkan Perkahwinan	77
4.2.8	Persetubuhan Luar Nikah Antara Orang-Orang Yang Bercerai	78
4.2.9	Kecuaian Yang Sengaja Untuk Mematuhi Perintah	79

4.3	Kesimpulan	81
<b>PENUTUP</b>		<b>82</b>
Rumusan		82
Cadangan		85
Bibliografi		
Lampiran		

## SENARAI KES

Pendakwa Shar'iyy Iwn Hambali bin Md. Saad  
(Kes Jenayah No. 271/95)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Awang Bin Othman  
(Kes Jenayah No.431/95)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Mahmod bin Hitam  
(KesJenayah No.141/93)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Abdul Aziz bin Abu Hassan  
(Kes Jenayah No.55/91)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Harun Bin Mihat  
(Kes Jenayah No. 48/91)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Shuib Hussin  
(Kes Jenayah No. 173/91)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Roziana Bt Salim  
(Kes Jenayah No.904/91)

Pendakwa Shar'iyy Iwn Rogayah bt. Johari  
(Kes Jenayah No.198/91).

# SENARAI JADUAL

## Jadual 1

Jumlah Kes Kesalahan Matrimoni Tahun 1990-1995

## Jadual 2

Jadual Kes Yang Selesai, Tertangguh Dan Yang Ditarik Balik Bagi Tahun 1990-1995

## Jadual 3

Jumlah Kes Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah

## Jadual 4

Jumlah Kes Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah

## Jadual 5

Jumlah Kes Menganiaya Isteri

## Jadual 6

Jumlah Kes Tidak Memberi Keadilan Yang Sewajarnya Kepada Isteri

## Jadual 7

Jumlah Kes Isteri Yang Tidak Menurut Perintah

## Gambarajah A

Gambarajah Menunjukkan Peratus Kes Yang Selesai, Tertangguh Dan Yang Ditarik Balik Bagi Tahun 1990-1995

## Gambarajah B

Gambarajah Menunjukkan Peratus Kes Kesalahan Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah Tahun 1990-1995

## Gambarajah C

Gambarajah Menunjukkan Bilangan Kesalahan Perceraian Di Luar Mahkamah Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Tahun 1990-1995

## **SENARAI STATUT**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984  
(Akta303)

Akta Keganasan Rumahtangga 1994

## SENARAI KEPENDEKAN

S.W.T.	:	Subhānahū Wa Ta‘ālā
S.A.W.	:	Sallallāhu ‘Alayhi Wasallam
AUKI	:	Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta)
AKRT	:	Akta Keganasan Rumahtangga 1994
R.A.	:	Radiyallahu ‘Anhu/ ‘Anha
JAWI	:	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
hal.	:	halaman
Ibid.	:	Ibidem
supra	:	rujukan berselang
Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
Juz.	:	Juzuk
Dr.	:	Doktor
Jil.	:	Jilid
Cet.	:	Cetakan
Hj.	:	Haji
Bil.	:	Bilangan
Lwn	:	Lawan
No	:	Nombor

## TRANSLITERASI

### KONSONAN

ا	'
الف	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	y
ال	al-

### VOKAL

#### Panjang

آ = ā

أ = ū

إ = ī

#### Pendek

أ = a

إ = i

أ = u

#### Berganda :

أأ iyy (bentuk terakhir I)

أأ uw (bentuk terakhir ū)

#### Diftong :

أأ : aw ; أأ : ay

# **PENDAHULUAN**

# PENDAHULUAN

## LATARBELAKANG KAJIAN

Undang-undang Keluarga Islam adalah undang-undang yang digubal khusus untuk mentadbir undang-undang keluarga Islam bagi setiap pemastautin sesebuah negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai undang-undang keluarga Islamnya sendiri yang berkuatkuasa hanya terhadap pemastautin negeri itu. Di dalam undang-undang tersebut telah diperuntukkan beberapa perkara yang menjadi kesalahan dan boleh dipenaltikan di bawahnya apabila dilakukan. Kesalahan yang dimaksudkan ialah kesalahan-kesalahan matrimoni iaitu kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan. Di samping itu perbincangan juga akan dibuat untuk melihat sejauhmanakah pelaksanaan undang-undang tersebut berdasarkan prinsip-prinsip perundangan Islam.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan perkara-perkara yang menjadi kesalahan matrimoni dan boleh dipenaltikan di bawah Undang-undang Keluarga Islam. Ini kerana masih ramai anggota masyarakat Islam yang tiada maklumat jelas mengenai wujudnya kesalahan tersebut dan boleh menyebabkan mereka melakukan kesalahan tersebut secara tidak sengaja atau tidak sedar.

Kajian ini juga akan melihat beberapa peruntukan yang ada dalam akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada didapati memang banyak perkara-

perkara yang menjadi kesalahan dan sesiapa yang melakukannya boleh dipenaltikan atau dihukum dengan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Kajian juga akan meninjau sejauhmanakah pengetahuan masyarakat mengenai peruntukan-peruntukan sedemikian. Perkara ini akan dilihat berdasarkan laporan-laporan kes yang telah diputuskan oleh mahkamah terutamanya dalam kes-kes pernikahan tanpa kebenaran, cerai di luar Mahkamah serta tidak melaporkan kes itu dan lain-lain. Semoga kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai penalti-penalti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Penulis mengharapkan hasil penyelidikan ini mampu untuk dijadikan sumber dan panduan bagi pengkaji-pengkaji ilmiah yang akan datang dengan memberikan suatu kupasan yang lebih lengkap lagi mengenai kesalahan-kesalahan matrimoni. Kajian seperti ini penting sebagai memberi maklumat, penerangan dan panduan mengenai bentuk, hukuman dan kategori perbuatan-perbuatan yang boleh menjadi atau menyebabkan terjadinya kesalahan matrimoni dan implikasinya. Seterusnya dapat diambil langkah-langkah pencegahan, kesedaran dan penguatkuasaan kepadaseluruh masyarakat.

Di dalam penyelidikan ini juga, penulis cuba untuk membuat suatu pendekatan perbandingan mengenai kesalahan-kesalahan matrimoni dengan memberi tumpuan kepada konsep dan tujuannya di antara Akta dan Fiqh. Perbandingan ini akan dilihat pada sudut persamaan, perbezaan dan seterusnya

untuk mewujudkan kesinambungan dan persefahaman yang layak di antara keduanya.

Akhirnya, penulis merasakan bahawa kajian ini adalah perlu supaya kesalahan matrimoni ini dapat diketengahkan kepada masyarakat agar mereka tidak buta terhadap peruntukan-peruntukan undang-undang khususnya terhadap Undang-undang Keluarga Islam yang dikuatkuasakan ke atas mereka. Dengan itu, mereka tidak akan melakukan perkara yang menjadi kesalahan dan boleh dipenaltikan di bawahnya itu secara sesuka hati atau silap faham fakta atau undang-undang. Kajian ini juga penting untuk membentuk dan merangsangkan idea-idea baru yang lebih kemas, tepat dan praktikal mengenai kesalahan matrimoni ini dapat dikemukakan secara lebih intensif, agar tindakan segera dan berterusan dapat dilaksanakan.

## **SKOP DAN HAD KAJIAN**

Sepertimana yang kita maklumi Wilayah-Wilayah Persekutuan terdiri daripada Kuala Lumpur dan Labuan. Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, penulis telah mengambil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai kajian berdasarkan kepada kedudukannya sebagai ibu negara bagi negara Malaysia. Ia menjadi tumpuan kepada pusat pentadbiran negara dan mereka yang mencari peluang pekerjaan. Oleh itu, Kuala Lumpur mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Kajian ini juga dibataskan dengan penulis hanya melihat bentuk-bentuk kesalahan seperti yang terdapat dalam Undang-undang Islam dan juga

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303). Oleh itu, bukanlah kajian menyeluruh atau menyentuh semua aspek peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta tersebut. Di samping itu juga, penulis hanya menumpukan kes-kes di Mahkamah Shari'ah sepanjang tahun 1990 hingga 1995 sahaja.

## **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

1. Melatih diri penulis dalam bidang penulisan dan cara-cara yang perlu dilakukan semasa proses kajian dijalankan.
2. Untuk mengetahui apakah bentuk-bentuk kesalahan matrimoni. Di mana penulis cuba melihat dari dua sudut iaitu dari perspektif Islam dan juga Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303).
3. Melihat sejauhmanakah keseriusan masalah ini berlaku di Kuala Lumpur. Dengan berpandukan kepada kadar kes di Mahkamah Shari'ah, penulis akan dapat mengetahui sama ada kesalahan ini membimbangkan atau tidak.
4. Memberi kesedaran dan penerangan kepada seluruh masyarakat mengenai kesalahan matrimoni dan kesan-kesannya terhadap individu, keluarga dan masyarakat.

5. Meninjau sejauhmanakah keberkesanan peruntukan Akta dan langkah-langkah yang telah dijalankan dalam menangani kesalahan ini daripada terus berlaku dan mencari penyelesaian terhadap masalah matrimoni yang berlaku, sama ada penyelesaian secara undang-undang, sikap dan keperihatinan masyarakat.
6. Memberikan cadangan, sumbangan, kritikan dan seumpamanya agar usaha-usaha berterusan dapat dilaksanakan bagi mencari jalan penyelesaian yang sebaiknya terhadap kesalahan matrimoni.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Di dalam menyiapkan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod. Hasil gabungan metod-metod tersebut telah melahirkan skripsi ini. Metod-metod yang digunakan oleh penulis ialah :

### **(a) Kajian Perpustakaan**

Melalui metod ini, penulis telah berjaya mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk secara keseluruhannya. Bahan-bahan ini terdiri daripada kitab-kitab Bahasa Arab, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Di samping itu juga, penulis menggunakan metod ini dengan mendapatkan data daripada majalah, jurnal, kertas projek, buku daftar dan fail-fail kes di Mahkamah Shari'ah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis bergantung sepenuhnya dengan bahan-bahan rujukan yang terdapat di :